

Laporan Suhakam berat sebelah — KPN

UM 30 AUG 2001

KUALA LUMPUR 29 Ogos — Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai hari ini menyifatkan laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) yang menyatakan pihaknya melanggar hak asasi ketika menyuraikan perhimpunan haram di Jalan Kebun, Klang pada 5 November lalu sebagai berat sebelah.

Beliau berkata, pihaknya tidak memberi perhatian yang tinggi kepada laporan tersebut kerana ia merupakan satu laporan yang berat sebelah.

“Laporan itu tidak berpijak di bumi, itu saja,” katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini.

Norian bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai laporan itu kerana terlalu banyak kenyataan yang telah dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin lain.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan cek AS\$50,000 (RM188,250) kepada balu Sarjan Paul Kanagarethinam, 46, yang hilang dalam misi polis di Timor Timur dan sagu hati kepada dua anggota lain kerana bertindak cemerlang menangkap seorang lelaki yang disyaki terbabit kes bunuh sekitar Banting semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Suhakam yang dibuat berhubung laporan penyiasatan insiden di Jalan Kebun di sini yang diumumkan pada 20 Ogos lalu.

Pesuruhjaya Suhakam, Tan Sri Anuar Zainal Abidin ketika membentangkan laporan penyiasatan insiden di Jalan Kebun di sini yang diumumkan pada 20 Ogos lalu berkata, pelanggaran hak asasi itu dilakukan oleh polis ketika menyuraikan perhimpunan, menahan peserta dan layanan kasar terhadap orang yang ditahan.

Anuar berkata, antara tindakan pelanggaran hak asasi yang telah dilakukan oleh polis ialah penggunaan kekerasan terhadap peserta perhimpunan, menyebabkan kerosakan kepada harta peribadi, menyita harta peribadi, menyebabkan kecederaan kepada tahanan dan melambatkan bantuan perubatan kepada tahanan yang cedera.

“Pihak polis sepatutnya mengadakan penyiasatan mereka sendiri bagi mengenal pasti petugasnya yang telah menggtmakan kekerasan keterlaluan atau membuat sesuatu yang tidak dibenarkan oleh undang-undang,” kata Anuar.

Pelbagai pihak mengkritik Suhakam, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata bahawa laporan itu dipengaruhi oleh pemikiran Barat.

Dr. Mahathir turut mempertahankan tindakan polis dalam menangani perhimpunan itu dengan menyifatkan bahawa tindakan mereka tidak melebihi batasan kuasa mereka.